

SULIT
015/1
Matematik
Kertas 1
JULAI
2007
1 jam



JABATAN PELAJARAN NEGERI PERAK

PERCUBAAN UPSR 2007

MATEMATIK

Kertas 1

Satu jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU


1. *Kertas ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawab dengan menghitamkan ruangan pada kertas jawapan.*
4. *Bagi setiap soalan, hitamkan **satu** ruangan sahaja.*
5. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*
6. *Rajah yang mengiringi soalan tidak dilukis mengikut skala kecuali dinyatakan.*
7. *Anda boleh membuat kerja mengira di tempat kosong di dalam kertas soalan.*

Kertas soalan ini mengandungi 16 halaman bercetak
© Hak cipta Sektor Pengurusan Akademik JPN Perak

[Lihat Sebelah]

- 1 0.32juta – 52 480
- A 267 520
B 267 510
C 257 520
D 257 510
- 2 Antara bongkah – bongkah yang berikut, yang manakah mempunyai ciri-ciri berikut;
- a) 5 satah
 b) 8 sisi
 c) 5 bucu
- A Kubus
B Kuboid
C Piramid
D Prisma
- 3 Nyatakan waktu 4.05 p.m dalam sistem 24 jam
- A Jam 1500
B Jam 1505
C Jam 1510
D Jam 1605
- 4 Tukarkan $5\frac{1}{2}$ m kepada cm.
- A 5550
B 5500
C 550
D 55.5
- 5 $\frac{4}{5} \times \square = 2400$
- A 480
B 960
C 3000
D 9600

- 6 Rajah 1 menunjukkan susunan nombor mengikut urutan tertentu.



RAJAH 1

Nyatakan nilai X?

- A 60
 - B 135
 - C 180
 - D 225
- 7 Nyatakan $1\frac{1}{4} \ell + 500 \text{ ml} =$

- A 1250 ml
- B 1500 ml
- C 1750 ml
- D 2750 ml

- 8 Rajah 2 menunjukkan dua keping kad nombor.



RAJAH 2

Cari hasil darab bagi digit yang bergaris.

- A 4 200 000
 - B 420 000
 - C 42 000
 - D 4 200
- 9 $14 \text{ kg} + 842 \text{ g} + 7.4 \text{ kg} =$
- A 8.256 kg
 - B 9.642 kg
 - C 22.242 kg
 - D 96.42 kg

10 $70.4 - 12.59 + 2.4 =$

- A 68.05
- B 67.81
- C 60.39
- D 60.21

11 $37 \times (780 - 652) =$


- A 4 736
- B 4 746
- C 4 936
- D 4 946

12 $1.8 \text{ km} - 470 \text{ m} =$

Nyatakan jawapan dalam meter.

- A 1330
- B 133
- C 13.3
- D 1.33

13 Rajah 3 menunjukkan lima keping kad nombor.



RAJAH 3


Purata bagi 5 nombor itu ialah 4.
Apakah nilai Y?

- A 3.9
- B 3.92
- C 4.4
- D 5.6

14 $\frac{1}{4}$ daripada 17 tahun ialah

- A 4 tahun
- B 4 tahun 1 bulan
- C 4 tahun 2 bulan
- D 4 tahun 3 bulan

15 Rajah 4 menunjukkan sekeping kad nombor.



RAJAH 4

Tambahkan $2\frac{2}{5}$ kepada nombor pada kad tersebut.

- A 1.03
- B 2.7
- C 3.03
- D 8.7

16 $14 - 4\frac{3}{7} =$

- A $9\frac{3}{7}$
- B $9\frac{4}{7}$
- C $10\frac{3}{7}$
- D $10\frac{4}{7}$

- 17 Antara berikut, yang manakah paling hampir kepada 3 km?
- A $2\frac{7}{10}$ km
 - B $2\frac{3}{5}$ km
 - C $3\frac{1}{5}$ km
 - D $3\frac{1}{10}$ km
- 18 RM 154 ÷ 5 =
- A 3 keping RM 5 dan 4 keping 20 sen
 - B 5 keping RM 5 dan 8 keping 20 sen
 - C 6 keping RM 5 dan 4 keping 20 sen
 - D 6 keping RM 5 dan 2 keping 20 sen
- 19 Sebuah kotak mengandungi 228 tin susu cair yang dikongsi bersama oleh Saleh, Razali, Suhaimi dan Razhuan. Saleh mendapat 28 tin daripada jumlah susu tersebut. Razali mendapat $\frac{1}{4}$ daripada bakinya. Suhaimi pula mendapat $\frac{1}{3}$ daripada baki mereka berdua. Razhuan mendapat selebihnya. Siapakah yang mendapat paling kurang tin susu cair?
- A Saleh
 - B Suhaimi
 - C Razhuan
 - D Razali
- 20 Sekolah Kebangsaan Lelayang mempunyai 230 orang murid. Setiap murid berbelanja antara 60 sen hingga 90 sen sehari. Anggarkan wang yang dibelanjakan oleh murid – murid di sekolah tersebut?
- A RM 137
 - B RM 178
 - C RM 217
 - D RM 345

- 21 Encik Hassan bertolak dari Ipoh ke Kota Tinggi pada pukul 8.25 a.m.
Perjalanan itu biasanya mengambil masa $10\frac{1}{2}$ jam.
Waktu En. Hassan tiba di Kota Tinggi ialah

- A 6.25 p.m
- B 6.55 p.m
- C 7.30 p.m
- D 7.77 p.m

- 22 Jadual 1 menunjukkan bayaran yang dikenakan oleh sebuah taman permainan yang dilawati oleh Daud dan bapanya.

Perkara	Harga
Bayaran masuk	RM 1.50
Sewa Basikal	RM 1.00
Bayaran setiap permainan	60 sen


JADUAL 1

Daud bermain enam permainan. Dia dan bapanya menyewa sebuah basikal setiap seorang.

Berapakah jumlah wang yang perlu dibayar oleh mereka?

- A RM 3.10
 - B RM 6.10
 - C RM 7.60
 - D RM 8.60
- 23 Pendapatan bulanan En. Rizal ialah RM 2500. Dia menggunakan 35% daripada pendapatannya itu untuk membayar ansuran keretanya. 40% daripada baki wang tersebut disimpannya di bank.
Berapakah jumlah wang simpanannya itu?
- A RM 650
 - B RM 875
 - C RM 1625
 - D RM 1850

24 Rajah 5 terdiri daripada dua buah kuboid X dan Y.



RAJAH 5

Diberi isipadu kuboid X ialah 216 cm^3
Isipadu kuboid Y ialah 50 % daripada isipadu kuboid X.
Berapakah jumlah isipadu bagi kedua-dua kuboid X dan Y?

- A 108 cm^3
- B 236 cm^3
- C 266 cm^3
- D 324 cm^3

25 Jadual 2 menunjukkan peruntukan masa bermain bagi 3 orang murid.

Murid	Tempoh
Afiq	$\frac{1}{4}$ jam
Mila	$\frac{3}{4}$ jam
Ebi	1 jam 12 minit

JADUAL 2

Carikan purata, dalam minit, masa bermain bagi setiap murid.

- A 40
- B 44
- C 53
- D 57

- 26 Rajah 6 menunjukkan berat sekampit beras.



RAJAH 6


Puan Atie menggunakan $\frac{2}{5}$ daripada berat itu untuk memasak nasi

dan $\frac{1}{4}$ daripada bakinya untuk memasak bubur.

Cari berat yang tinggal, dalam g.

- A 1000
B 1500
C 3000
D 4500
- 27 Encik Wong mempunyai 160 biji limau. 70% daripada buah limau itu telah dijual manakala bakinya telah diagihkan sama banyak kepada Encik Arif dan dua orang kawannya.
Antara berikut, yang manakah menunjukkan langkah pengiraan yang betul untuk mencari berapa biji limaukah setiap orang akan dapat.
- A $\frac{70}{100} \times 160$, kemudian bahagi 2
B $\frac{70}{100} \times 160$, kemudian bahagi 3
C $\frac{30}{100} \times 160$, kemudian bahagi 2
D $\frac{30}{100} \times 160$, kemudian bahagi 3

28 Rajah 7 menunjukkan perbelanjaan Puan Leha bagi suatu bulan tertentu.



RAJAH 7

Jumlah perbelanjaan itu adalah sama dengan $\frac{1}{5}$ daripada gaji bulanannya.

Berapakah gaji bulanannya ?

- A RM 210
- B RM 1 050
- C RM 4 020
- D RM 5 250

29 Harga kos sebuah peti sejuk ialah RM 1250. Seorang pekedai menjual peti sejuk itu dengan keuntungan sebanyak 10%. Yuslimi membeli peti sejuk itu dengan membayar RM 1300.


Antara berikut, pernyataan manakah yang benar?

- A Yuslimi terlebih bayar sebanyak RM 50
- B Yuslimi terkurang bayar sebanyak RM 75
- C Yuslimi terlebih bayar sebanyak RM 175
- D Yuslimi terkurang bayar sebanyak RM 200

- 30 Seramai 400 orang penonton menyaksikan suatu pertunjukkan bunga api. 60 % daripadanya ialah kanak-kanak. 40 % daripada jumlah kanak-kanak itu adalah lelaki. Berapakah jumlah kanak-kanak perempuan?

A 96 orang
B 144 orang
C 240 orang
D 260 orang

- 31 Rajah 8 menunjukkan empat buah bandar E, F, G dan H.



RAJAH 8


Diberi jarak EF sama dengan GH.
Jarak FG adalah 3 kali jarak GH.
Berapakah jarak, dalam km, dari bandar E ke bandar H?

A 2.55
B 10.2
C 15.3
D 25.5

- 32 Puan Mona menggunakan $3\frac{1}{2}$ l minyak untuk menggoreng ikan, 1 l 50 ml untuk memasak kari daging dan 600 ml untuk tomyam, sempena majlis kesyukuran di rumahnya. Hitungkan jumlah minyak, dalam ml, yang telah digunakan oleh Puan Mona.

A 1062
B 4850
C 5150
D 5600

- 33 Rajah 9 menunjukkan ACDF ialah segiempat tepat dan BEF ialah sebuah segitiga sama kaki.




RAJAH 9

Diberi panjang $AB = DE$.
Hitungkan luas segitiga sama kaki BEF.

- A 70 cm^2
- B 21 cm^2
- C 18 cm^2
- D 14 cm^2

34 Rajah 10 menunjukkan sebuah kuboid.




RAJAH 10

Diberi isipadu kuboid itu ialah 140 cm^3 .
Luas ABCD, ialah 20 cm^2 .
Berapakah tinggi salah satu sisi kuboid tersebut?

- A 4 cm
- B 5 cm
- C 7 cm
- D 8 cm

35 Rajah 11 terdiri daripada beberapa segiempat sama sisi.




RAJAH 11

Cari perimeter kawasan berlorek dalam cm.

- A 432
- B 240
- C 43.2
- D 24

36 Rajah 12 menunjukkan isipadu air di dalam dua buah bekas.



RAJAH 12

Berapakah isipadu air yang perlu dituang dari bekas X ke dalam bekas Y supaya isipadu air di kedua-dua bekas tersebut sama?

- A 150 ml
- B 300 ml
- C 650 ml
- D 1300 ml

37 Jadual 3 menunjukkan ketinggian tiga objek.


Objek	Ukuran ketinggian
Almari	$2\frac{1}{2}$ m
Rak Buku	50 cm lebih daripada almari
Tangga	10 cm kurang daripada rak buku

JADUAL 3

Kirakan jumlah ketinggian, dalam m, ketiga-tiga objek tersebut.

- A 1.9
- B 3.1
- C 8.4
- D 8.5

38 Rajah 13 menunjukkan lokasi rumah Encik Razali ke Taman Rekreasi




RAJAH 13

Encik Razali berjoging dari rumahnya ke Taman Rekreasi mengikut jalan paling jauh dan balik mengikut jalan paling dekat.
Hitungkan jumlah jarak, dalam m, perjalanan Encik Razali.

- A 985
- B 1028
- C 4800
- D 9850

- 39 Rajah 14 menunjukkan waktu seorang doktor menjalankan pembedahan ke atas seorang pesakit.



RAJAH 14

Doktor menganggarkan bahawa pembedahan mengambil masa selama $2\frac{1}{2}$ jam.

Walau bagaimanapun pembedahan itu melebihi masa yang dijangkakan. Berapakah tempoh masa yang melebihi anggaran itu?

- A 25 minit
 B 30 minit
 C 40 minit
 D 1 jam 25 minit
- 40 Jadual 4 menunjukkan bil yang tidak lengkap barang yang dibeli oleh Puan Rohaya.

Kuantiti	Barang	Harga Seunit	Harga
$2\frac{1}{2}$ kg	ikan	RM 8	
3.5 kg	udang	RM 20	
1 kg	ketam	RM 15	
Jumlah			

JADUAL 4

Puan Rohaya membayar pekedai itu dengan 3 keping RM50. Antara berikut, barang yang manakah dapat dibeli dengan wang bakinya itu?

- A 6 kg ikan
 B 4 kg ketam
 C $2\frac{1}{4}$ kg udang
 D 2 kg ketam

SKEMA JAWAPAN MATEMATIK KERTAS 1
PERCUBAAN UPSR 2007

1.	A	21	B
2	C	22	D
3	D	23	A
4	C	24	D
5	C	25	B
6	B	26	D
7	A	27	D
8	A	28	D
9	C	29	B
10	D	30	B
11	A	31	D
12	A	32	C
13	C	33	B
14	D	34	C
15	C	35	D
16	B	36	A
17	D	37	C
18	C	38	D
19	A	39	A
20	B	40	A